



TEKS UCAPTAMA

YBHG. TAN SRI DR. MAZLAN YUSOFF
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

SEMPENA

PERSIDANGAN
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
TAHUN 2024

6 JUN 2024 (KHAMIS)
10.30 PAGI
BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis

(Salutasi akan dibekalkan berasingan)

PENDAHULUAN

1. Izinkan saya memulakan ucapan ini dengan memetik mutiara kata dari kalam Saidina Ali bin Abi Thalib, yang mengungkapkan bahawa *“Tiada kekayaan yang lebih utama dari akal. Tiada keadaan yang lebih buruk dari kejahilan. Tiada warisan yang lebih baik dari pendidikan dan tiada pembantu yang lebih baik dari musyawarah..”*

2. Tradisi pewacanaan ilmu atau *intellectual discourse* telah diangkat sebagai wadah dalam mencari remedi kepada pelbagai isu kehidupan sejak munculnya tamadun. Dalam tradisi Islam, kepentingan syura atau musyawarah sebagai mekanisma mencari solusi hal-hal keduniaan (khususnya berkaitan dengan pentadbiran dan strategi peperangan) telah dikupas oleh ramai ilmuan seperti Imam at-Tabari; Ibnu Katsir; malah ulamak terkemudian seperti Sheikh Rashid Redha. Dalam tradisi pengajian di

Eropah, John Henry Newman, seorang ahli teologi Inggeris dari Universiti Oxford menganjurkan idea “*collision of mind with mind and knowledge with knowledge*” dalam mempelopori idea *intellectual conversation* dalam membina peradaban baharu, ke arah kemajuan dan keharmonian dunia sejagat.

3. Hari ini kita sama-sama berhimpun untuk bermusyawarah tentang pendidikan di Malaysia. Transformasi Pendidikan Pemacu Malaysia MADANI: Suatu Wacana Baharu, merupakan tema yang dipilih untuk persidangan ini. Tafsirannya mungkin terlalu luas, mencakupi pelbagai isu dalam mauduk pendidikan. Justeru, bagi lebih memaknai seminar ini, fokus diletakkan kepada empat sub tema utama agar lebih terangkum dan relevan. Izinkan saya mencerakinkannya satu persatu.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI

4. Idea pendemokrasian pendidikan secara umumnya merujuk kepada persamaan hak yang sama rata dari segi peluang mendapat pendidikan yang berkualiti atau *democratization of access to quality education*. Takrifan ini juga bermaksud tidak harus wujud sebarang diskriminasi dalam bidang pendidikan di semua peringkat sama ada individu, kumpulan atau

masyarakat. Dalam erti kata lain “*in education, no one should be left behind*”. Ini juga bererti faktor-faktor seperti latar belakang kaum, status ekonomi, kedudukan geografi, kemudahan infrastruktur tidak boleh menjadi pemboleh ubah yang menghalang anak-anak kita daripada mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti di semua peringkat.

5. Gagasan pendemokrasian pendidikan di Malaysia boleh dijejaki melalui Akta Pelajaran 1961 yang terhasil daripada Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Elemen utama yang mendasari Akta Pelajaran 1961 ialah ketetapan bahawa semua kanak-kanak yang mencapai umur persekolahan akan diberi pendidikan rendah secara percuma. 35 tahun kemudian, Akta Pendidikan 1996 pula digubal yang meneruskan roh dan semangat Akta 1961 dengan mewajibkan pendaftaran anak yang mencapai umur enam tahun ke sekolah rendah dan mereka hendaklah terus kekal menjadi murid sepanjang tempoh pendidikan rendah.

6. Dalam aspek ini, usaha Malaysia telah mendapat pengiktirafan daripada institusi antarabangsa. Bank Dunia dalam laporannya bertajuk Malaysia Economic Monitor yang diterbitkan pada April 2024, menyebut bahawa Malaysia sangat berjaya dari aspek pensejagatan atau *universalisation* dalam pendidikan rendah yang disumbangkan melalui

kombinasi yang kukuh dari segi perancangan, pelaksanaan dan iltizam politik.

7. Kini, selepas lebih 28 tahun Akta Pendidikan 1996 dilaksanakan, sistem pendidikan negara terus berkembang pesat, menyediakan banyak peluang dan akses kepada pendidikan melalui bajet yang sentiasa diberi keutamaan. Namun kita juga tidak boleh menidakkan hakikat bahawa sektor pendidikan negara masih berhadapan dengan isu-isu asas seperti keciciran murid serta sejumlah pelajar yang gagal menduduki peperiksaan utama.

8. Walaupun statistik KPM mencatatkan penurunan kadar keciciran murid, namun angka tahun 2022 masih menunjukkan 0.07% pelajar peringkat rendah dan hampir 1% pelajar peringkat menengah telah keluar daripada sistem pendidikan sebelum menamatkan persekolahan. Peratusan kecil ini jika diterjemahkan kepada angka, akan memberi bilangan yang membimbangkan. Terkini, YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, semasa mengumumkan keputusan SPM baru-baru ini, menyebut terdapat lebih 10 ribu pelajar yang tidak menduduki SPM pada tahun 2023.

9. YB Timb. Menteri Pendidikan dalam perbahasan di Parlimen menyebut antara faktor yang menyebabkan keciciran ialah isu kemiskinan, keruntuhan institusi keluarga, kesedaran ibu bapa yang rendah terhadap

pendidikan dan pengaruh media sosial. Ternyata, penyelesaian isu pendemokrasian pendidikan tidak terbatas dalam ruang lingkup pendidikan *per se*, sebaliknya harus dilihat dalam konteks kitaran pelbagai isu sosio-ekonomi yang lebih meluas dan ganas.

10. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ketika menghadiri Majlis Temu Anwar, di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang tahun lepas, telah menyatakan hasrat Kerajaan MADANI untuk memperkenalkan jenis sekolah baharu yang menyasarkan anak golongan keluarga paling miskin di negara ini. Tujuannya adalah bagi memastikan anak-anak dari golongan ini mendapat peluang pendidikan, walaupun keputusan peperiksaan mereka kurang cemerlang atau tidak memberangsangkan. Hakikatnya, isu kemiskinan tegar dan kemiskinan bandar masih menjadi penghalang kepada peluang pendidikan di negara ini.

11. Isu kuota dan meritokrasi terutamanya dalam membicarakan peluang melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi juga wajar disantuni dengan penuh hemah dan bertanggungjawab. Prinsip keadilan yang sebenar, mengambil kira faktor sejarah dan pembentukan masyarakat majmuk yang terhasil daripada sistem pemerintahan penjajah, wajar difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Banyak contoh boleh kita insafi dari

sejarah negara luar yang mendakap secara mutlak prinsip ‘meritokrasi’ dan ‘kesamarataan’, yang ternyata telah membawa ketidakseimbangan kepada keutuhan fabrik sosial negara tersebut.

12. Bank Dunia, dalam laporan yang sama juga menyebut, terdapat kesenjangan dari segi akses kepada keperluan asas antara wilayah di Malaysia. Laporan itu turut menyebut bahawa hampir 20 peratus isi rumah di Sabah dan Sarawak tidak mempunyai akses kepada sekolah menengah dalam jarak lingkungan lima kilometer dan kadar itu lima kali ganda lebih tinggi daripada nilai purata kebangsaan sebanyak 4.7 peratus.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

13. Keajaiban teknologi merupakan antara *megatrends* yang sedang merubah secara radikal wajah pendidikan kontemporari global. Statistik Penggunaan ICT dalam Pendidikan yang dikeluarkan oleh UNESCO menunjukkan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Estonia, Finland dan Korea Selatan begitu ke hadapan mengadaptasi teknologi ICT dalam pendidikan. *World Economic Forum* di dalam laporannya *Shaping the Future of Learning: The Role of AI in Education 4.0* yang diterbitkan pada April 2024 menyatakan:

“The adoption of emerging technologies in education, particularly AI, holds immense potential to revolutionise teaching methodologies, personalise learning experiences and streamline administrative processes.”

14. Dari sudut pengurusan bilik darjah misalnya, AI boleh merevolusikan tugas-tugas pentadbiran yang dilakukan secara rutin dan berulang-ulang. Pengautomasian ke atas aktiviti-aktiviti harian seperti memantau kehadiran, menyemak kerja rumah pelajar, menyediakan bahan mengajar dan sebagainya boleh menjimatkan masa sehingga 20 peratus, yang membolehkan masa tersebut dimanfaatkan oleh guru bagi tujuan PdP.

15. Dalam konteks pembangunan pelajar, AI membolehkan keputusan penilaian diperoleh dengan segera dan dalam skala yang besar. Selain membantu pelajar memahami kesilapan, kaedah ini juga mengupayakan proses pembinaan kapasiti dan intelektual yang disesuaikan mengikut keunikan pelajar.

16. Harus juga ditekankan di sini bahawa tujuan asas pengintegrasian AI dalam kurikulum bukanlah sangat untuk melahirkan pakar AI, tetapi lebih kepada pemupukan literasi digital yang *advanced* itu dalam kalangan pelajar. Justeru, dalam usaha mengangkat standard pendidikan yang dilihat masih tertinggal berbanding beberapa negara lain, adalah kritikal bagi guru

dan pihak pengurusan sekolah menggalas peranan baharu sebagai penggerak pembudayaan AI di institusi-institusi pendidikan.

17. Kajian-kajian yang telah dijalankan mendapati kaedah *individual tutoring* dengan kandungan dan penilaian yang disesuaikan atau *customised* dengan kemampuan pelajar, mampu menghasilkan prestasi yang sangat berbeza dari segi kognitif, sikap dan akademik berbanding pendekatan PdP secara berkumpulan menggunakan kandungan bilik darjah yang standard. Dalam konteks ini, AI dikatakan boleh menghasilkan kandungan pembelajaran yang tersuai, mengikut kemampuan kognitif pelajar, sekali gus mengambil alih pendekatan konvensional selama ini.

18. Semasa disoal oleh perantara di dalam program Bicara Naratif RTM mengenai kedudukan Malaysia dalam peta A.I. dunia, Prof. Madya Dr. Mohd Naz'ri Mahrin dari UTM memaklumkan bahawa dalam konteks Indeks Kesedaran AI, Malaysia kini berada di tangga ke-23 di Asia. Kedudukan ini menurut beliau tidak terlalu ke hadapan dan tidak terlalu ke belakang, tetapi cukup untuk memberi mesej bahawa negara perlu lebih agresif untuk menjayakan lagi agenda AI ini.

19. Usaha mempersadakan agenda A.I. dalam dunia pendidikan di negara ini pastinya mencabar, tidak semudah berburu di tanah datar. Namun saya

juga tidak mengatakan ia mustahil. Pembukaan Fakulti AI dan AI Nexus di UTM baru-baru ini boleh menjadi permulaan yang baik ke arah itu. Sekali lagi di persimpangan ini, isu-isu seperti ketersediaan infrastruktur; jurang digital bandar dan luar bandar; kompetensi tenaga pengajar; serta keanjalan dan kebitaraan kurikulum menjadi antara prasyarat utama yang perlu diuruskan.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

20. Pendidikan di Malaysia sebagaimana termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

21. Tidak dapat dinafikan pelbagai usaha dan intervensi telah dan sedang giat dilaksanakan KPM untuk merealisasikan aspirasi ini. Pun begitu, saban hari kita masih didedahkan dengan isu-isu nilai, moral dan integriti yang berlaku dalam kalangan remaja dan dewasa sehinggalah ke peringkat pentadbiran dan kepimpinan atasan. Kita pernah dikejutkan dengan hasil kajian oleh Institut Integriti Malaysia pada tahun 2017 yang mendapati 35.8

peratus penuntut IPT menyatakan tidak menjadi satu kesalahan bagi seseorang untuk menerima hadiah berbentuk wang, barangan atau perkhidmatan sebagai balasan bagi sesuatu perbuatan.

22. Dalam kes buli umpamanya, data KPM menunjukkan pada tahun 2022 bilangan kes yang direkodkan adalah sebanyak 3,887, dan angka ini meningkat kepada 5,319 kes pada 2023. Isu tatatertib dan pelanggaran disiplin dalam kalangan warga sektor pendidikan termasuk gangguan seksual di tempat kerja juga menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Polemik perkauman dan keagamaan dengan komentar secara tidak bertanggungjawab juga semakin berleluasa di media-media sosial. Rasa hormat kepada institusi keluarga, kejiranan, guru dan masyarakat yang menjadi teras kepada keutuhan struktur sosial, kelihatannya semakin rapuh dan luntur.

23. Jika dapat saya kongsi di sini, pemerhatian kami, ahli-ahli Suruhanjaya melalui siri-siri temu duga mendapati masih terdapat sebahagian calon guru lepasan Universiti Awam dan Swasta yang mempamerkan kedangkalan dalam memahami roh dan prinsip Rukunegara serta semangat dan falsafah perlembagaan.

24. Mereka juga tidak begitu berkeyakinan dalam membicarakan sejarah pembinaan negara pra dan pasca kemerdekaan; evolusi pembentukan masyarakat berbilang kaum, serta perkara-perkara berkaitan dasar-dasar utama Kerajaan. Hakikat ini menjadi petanda yang menggusarkan bahawa sistem pendidikan kita masih bergelut dengan cabaran membina generasi berkeperibadian luhur, menyuburkan elemen patriotisme serta menjadikan akhlak dan moral sebagai tunjang paradigma kejayaan, sebagaimana yang didambakan oleh gagasan MADANI.

25. Apakah situasi ini membenarkan kata-kata Harry R. Lewis dari Universiti Harvard, yang mengkritik bagaimana kurikulum pendidikan di universiti-universiti tersohor di Amerika Syarikat yang pada asalnya direka untuk mendidik manusia agar bertanggungjawab dan bersikap patriotik, telah berkembang menjadi model bersifat 'kafeteria maya' atau *virtual cafeteria model*, yang menawarkan menu pilihan bidang ilmu yang pelbagai, bercelaru dan *disjointed*, seraya mengenepikan objektif pemupukan sahsiah dan jati diri.

26. Kehidupan dalam dunia digital dengan maklumat di hujung jari, mendedahkan generasi muda kepada pelbagai anasir negatif maya, turut menyukarkan usaha mengukuhkan kekuatan dalaman insani. Dalam

mendepani situasi ini, mungkin kita sama-sama dapat fikirkan bagaimana institusi pendidikan boleh menampilkan pendekatan baharu yang lebih segar untuk menyuntik elemen pembangunan jiwa dan kemanusiaan, merentas jurusan dan kurikulum.

27. Dalam hubungan ini, mungkin kita dapat menyelami pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas, pemikir Islam Nusantara tentang konsep pendidikan. Di dalam karya besar beliau bertajuk, *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*, beliau melontarkan hujah bahawa konsep pendidikan seharusnya melangkaui sudut *tarbiyah*, yang menekankan aspek didikan dan latihan paling asas bagi tujuan mengenal, membina dan mendewasakan. Falsafah pendidikan juga perlu melampaui konsep *ta'lim* yang bermaksud penuangan ilmu atau pemindahan pengetahuan. Sebaliknya Al-Attas mentafsirkan pendidikan sebagai *ta'dib* yang kepadanya harus mencakupi dan merangkumi kedua-dua konsep tarbiyyah dan ta'lim sekali gus.

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN

28. Semasa membicarakan sub-tema Pendemokrasian Pendidikan di awal ucapan tadi, saya telah menyentuh akan peri pentingnya Akta

Pelajaran 1961 dalam meletakkan asas pendidikan kepada rakyat Malaysia. Saya turut berhujah bahawa sementara Penyata Razak 1956 memberi fokus kepada penggunaan Bahasa Melayu sebagai medium yang seragam dan pendidikan sebagai apparatus perpaduan rakyat Malaysia, Laporan Rahman Talib 1960 pula telah memasukkan elemen vokasional dan teknik dalam upaya negara menyediakan tenaga mahir bagi tujuan pembangunan.

29. Sementara itu, lonjakan yang signifikan dalam aspirasi memperkasakan sistem pendidikan negara dapat dilihat melalui penggubalan Akta Pendidikan 1996, yang berlandaskan hasrat Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Diperkenalkan ketika negara sedang menikmati kemajuan ekonomi yang memberangsangkan, dasar ini meletakkan iltizam untuk menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan akademik bertaraf dunia, memastikan kemampuan berdaya saing serta penguasaan sains, matematik dan teknologi maklumat yang kukuh dalam kalangan pelajar.

30. Usaha melebarkan lagi horizon kecemerlangan pendidikan diteruskan melalui penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. PPPM yang merupakan *blueprint* halatuju pendidikan sehingga 2025, memberi penekanan kepada peningkatan profesionalisme guru,

penggunaan teknologi ICT dalam PdP, pengurusan berasaskan data dan usaha kolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan. Berdasarkan Laporan Kemajuan PPPM 2022, pelaksanaan pelan ini telah terbukti berjaya merapatkan jurang pencapaian gred purata SPM antara bandar dan luar bandar kepada hampir 25 peratus.

31. Walau bagaimanapun, Laporan *Programme for International Student Assessment* atau PISA 2022 yang dikeluarkan pada tahun lepas, telah menyentak derap langkah sektor pendidikan dan memaksa kita menoleh ke belakang seketika. Malaysia telah menyertai penarafan ini sejak 2009, namun pencapaian 2022 dianggap antara yang terendah pernah dicatatkan sepanjang tempoh tersebut. Malaysia keseluruhannya berada di tangga ke-51 daripada 81 negara.

32. Dapatan PISA 2022 juga menunjukkan skor purata murid Malaysia dalam Literasi Matematik, Saintifik dan Bacaan berada di bawah skor purata OECD sejak 2009. Dalam domain Matematik misalnya, prestasi murid telah jatuh dari skor purata 440 pada penilaian 2018 ke 409 pada 2022. Pencapaian ini juga adalah lebih rendah daripada pencapaian negara pada 2012. Pencapaian dalam domain Saintifik dan domain Bacaan juga menunjukkan trend kemerosotan.

33. Walaupun mencatat prestasi lebih baik dari Thailand, Indonesia, Filipina dan Kemboja, Malaysia masih berada di belakang Singapura, Brunei dan Vietnam. Kebimbangan ini turut dizahirkan YAB Perdana Menteri yang mengakui bahawa beliau terkesan dengan prestasi Malaysia dalam PISA 2022, namun mengajak rakyat untuk menerima hakikat ini dan menyeru agar Kerajaan merangka strategi yang sesuai untuk negara bergerak ke hadapan.

34. Pencapaian negara dalam PISA 2022 menimbulkan beberapa tanda tanya. Apakah negara telah terperangkap dalam kitaran *average performance trap* yang menyukarkan kita membuat anjakan berganda untuk keluar dari perangkap tersebut? Apakah pembolehubah yang boleh dilihat, adakah kurikulum yang perlu disesuaikan, atau profesionalisme guru yang perlu ditingkatkan? Atau penggubalan dasar-dasar baharu yang lebih dinamik dan adaptif terhadap perubahan di sekeliling?

PENUTUP

35. Isu-isu keciciran yang masih melingkari dunia pendidikan; tahap kesediaan membudayakan teknologi terkini; fenomena kecemerlangan tanpa roh dan jiwa; dan kelesuan pencapaian di bawah penarafan antarabangsa seperti yang telah dilontarkan, menuntut jawapan yang tuntas.

Apakah masih terdapat sudut-sudut kecil permasalahan yang masih belum ditangani? Adakah kerencaman dan *heterogeneity* yang mencirikan ekosistem pendidikan negara menjadikan pelaksanaan pelbagai *blueprint* yang lazimnya dibuat secara linear dan bersifat *one size fits all* itu sudah kurang berkesan dan perlu dilihat semula? Adakah kewujudan pelbagai lapisan pentadbiran, bermula dari peringkat penggubalan dasar di kementerian hinggalah ke peringkat pelaksanaan di bilik-bilik darjah, menatijahkan interpretasi yang berbeza di peringkat-peringkat yang berbeza yang akhirnya membawa kepada kelemahan pelaksanaan di peringkat akar umbi?

36. Saya lontarkan persoalan-persoalan ini untuk dicerap, dicerakin dan diwacanakan oleh ahli-ahli panel. Sebagaimana *Rom tidak terbina dalam tempoh satu hari*, penyelesaian kepada isu sebesar ini pastinya juga tidak dapat dirumuskan dalam satu seminar. Namun mengambil prinsip dalam mengerjakan amal ibadat, *jika kita tidak dapat melaksanakan semua, janganlah kita meninggalkan semua*. Dalam konteks yang sama juga saya ingin meminjam kata-kata Joseph Juobert (Jean-bear), ahli Falsafah Perancis yang hidup pada abad ke-18, yang pernah mengungkapkan, *“It is better to debate an issue without settling it, than to settle an issue without debating it. The aim of a discussion should not be victory, but progress”*.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahitaufiq Walhidayah Aassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.